

HLB@SCHOOL

classroom
adventures...
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

JULAI 2023
EDISI 5



Dalam edisi bulan ini, kita akan belajar tentang 3 cara anda boleh gunakan wang saku anda.

BELANJA, SIMPAN, KONGSI!

- **Belanja** : Belanjakan wang saku mengikut belanjawan anda untuk keperluan dan kehendak anda.
- **Simpan**: Simpan sebahagian daripada wang saku anda untuk digunakan pada masa hadapan ataupun kecemasan.
- **Kongsi**: Kongsi lebih wang saku anda kepada mereka yang lebih memerlukan.

Satu cara yang anda boleh gunakan untuk kategorikan elaun anda ialah dengan kaedah **50:40:10**.


Melalui kaedah ini, anda disyorkan untuk berbelanja 50% daripada elaun anda, 40% untuk disimpan dan 10% untuk dikongsi. Sebagai contoh, sekiranya anda menerima RM50 setiap minggu sebagai elaun anda, anda boleh bahagikan wang tersebut dengan kaedah: RM25 untuk dibelanja, RM20 untuk disimpan dan RM5 untuk dikongsi



Dengan menguasai cara berbelanja wang, anda akan dapat menguruskan wang dengan lebih bijak.

Selain itu, anda juga haruslah tahu cara untuk berbelanja bagi kehendak anda kerana ia akan membuat anda rasa lebih bahagia.

Jadi kadang-kala, pastikan anda memberikan diri anda ganjaran dengan membeli alat permainan kesukaan, kredit permainan video ataupun buku baru.



Ia amatlah penting untuk membina tabiat menyimpan wang biarpun anda masih muda. Tabiat ini akan membantu anda untuk menguruskan wang dengan lebih bijak apabila anda menjadi seorang dewasa dan mula mendapat pendapatan sendiri.



Biarpun kita mungkin tidak mempunyai banyak wang, berkongsi apa yang kita ada dengan mereka yang lebih memerlukan akan membantu kita menjalani suatu kehidupan yang lebih memuaskan. Anda boleh berkongsi sama ada dengan memberi wang ataupun dengan membeli barangan yang mereka mungkin memerlukan

Anda mungkin akan berasa bahawa anda masih sangat muda untuk berbuat sedemikian, namun apabila kita mula berkongsi apa yang kita ada, ini akan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita dan mengajar erti penghargaan dan kesyukuran.

DENGAN APLIKASI POCKET CONNECT, ANDA BOLEH MEMBUAT SATU SENARAI HAJAT DAN MENYIMPAN WANG UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ANDA!



Sebagai kesimpulan, berikut merupakan beberapa perkara penting yang harus diingat :

1

Jejaki perbelanjaan anda dan dahulukan keperluan anda apabila anda berbelanja.

3

Apabila anda berkongsi, anda memupuk satu tabiat dimana orang lain yang melihat perbuatan anda, juga akan mula membantu dan ini akan membuat dunia ini menjadi satu tempat yang lebih baik.

2

Simpan wang supaya anda boleh membeli apa-apa kehendak tanpa bergantung kepada ibu bapa anda.

4

Perkara yang paling penting sekali ialah, dengan menyimpan duit, anda telah mengambil langkah pertama untuk merealisasikan impian anda.